

D.R. 36/96

Naskhah Sahih-Bahasa Kebangsaan

RANGUNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1996 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 1995.

Tajuk nngkas dan mula berkuatkuasa.

2. Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam seksyen 3—

Pindaan seksyen 3. Akta 237.

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dalam perenggan (a) dengan memasukkan selepas perkataan "ribu" perkataan "sembilan puluh"; dan

(ii) dalam perenggan (b) dengan memasukkan selepas perkataan "ratus" perkataan "sembilan puluh"; dan

(b) dalam subseksyen (2) dengan memasukkan selepas perkataan "ratus" perkataan "sembilan puluh".

Pindaan
seksyen 4.

3. Seksyen 4 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam perenggan (a) dan (b) dengan menggantikan perkataan "dua ratus" dengan perkataan "tiga ratus lima puluh"; dan
- (b) dalam perenggan (c) dan (d) dengan memasukkan selepas perkataan "ribu" perkataan "sembilan puluh".

Pindaan
seksyen 6.

4. Seksyen 6 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1)—
 - (i) dalam perenggan (a) dengan memasukkan selepas perkataan "ribu" perkataan "seratus lima puluh";
 - (ii) dalam perenggan (b) dengan menggantikan perkataan "lima ratus" dengan perkataan "enam ratus lima puluh";
 - (iii) dalam perenggan (c) dengan menggantikan perkataan "lima puluh" dengan perkataan "dua ratus";
 - (iv) dalam perenggan (d) dengan memasukkan selepas perkataan "ribu" perkataan "seratus lima puluh"; dan
 - (v) dalam perenggan (e) dengan menggantikan perkataan "dua ratus lima puluh" dengan perkataan "empat ratus"; dan
- (b) dalam subseksyen (3) dan (4) dengan memasukkan selepas perkataan "ratus" perkataan "sembilan puluh".

Pembayaran
gaji dan
elaun walau
apa pun
seksyen 7.

5. Walau apa pun seksyen 7 Akta ibu, semua gaji dan elaun yang dinyatakan dalam pindaan kepada Akta ibu dalam seksyen 2, 3 dan 4 dan yang kena dibayar hendaklah bermula dari 1 Januari 1995 atau dari tarikh pelantikan atau pemilihan, mengikut mana-mana yang terkemudian, Ahli Parlimen, Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Anggota Pentadbiran, Ketua atau Timbalan Ketua Dewan Rakyat atau Ketua Pembangkang, mengikut mana-mana yang berkenaan.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda seksyen 3, 4 dan 6 Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 yang merbolehkan pelarasan dibuat kepada gaji atau elaun, mengikut mana-mana yang berkenaan, Ahli Parlimen, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Anggota Pentadbiran, Ketua dan Timbalan Ketua Dewan Rakyat dan Ketua Pembangkang.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya dianggarkan sebanyak RM973,800 setahun. [PN. (U²) 1963.]